



Nurul Syakirin catat sejarah USIM

NURUL Syakirin (empat dari kiri) bersama penyokong selepas diumumkan menang dalam pemilihan perwakilan pelajar USIM, semalam.

NILAI: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, mencatat sejarah apabila dijangka menampilkan calon wanita pertama dipilih sebagai Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) universiti berkenaan bagi sesi 2013/2014.

Pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang Nurul Syakirin Ahmad Najid, 22, mendapat undian tertinggi sebanyak 6,879 undi mengalahkan pencabarinya, Nik

Muhammad Naqib Ahmad Mokhjamil dengan 6,139 undian.

Nurul Syakirin, pelajar tahun tiga Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa berkata, dia gembira kerana diberi kepercayaan menerajui MPP kali ini.

"Bagaimanapun, kami akan membentuk Kabinet sebelum memutuskan siapa yang akan menjawat jawatan YDP."

"Jika dipilih, saya akan cu-

ba menerajui kepemimpinan sebagai suara pelajar supaya USIM menjadi sebuah universiti bertaraf dunia," katanya selepas majlis pengumuman keputusan pemilihan perwakilan pelajar USIM, semalam.

Katanya, dia yang membentangkan manifesto keselamatan siswi di universiti itu yang majoriti dikelilingi warga asing tidak sangka berjaya menarik perhatian mahasiswa.

"Saya rasa bertanggungjawab membantu semua pelajar dan disebabkan itu saya muahu bertanding. Kita tunggu 30 Oktober ini untuk mengetahui sama ada saya dipilih atau tidak, itu bergantung kepada suara majoriti," katanya yang berasal dari Temerloh, Pahang.

Katanya, jika dipilih, dia akan cuba menunaikan manifesto dibentangkan untuk kesejahteraan semua pekerjaan USIM.